



“Biarlah aspek pendidikan menjadi pendorong kuat untuk kita terus berjaya dan ini yang Puteri Klang mahu lihat”

**Roselinda Abd Jamil**

Ketua Puteri UMNO  
bahagian Klang



ROSELINDA pada Program Jalinan Ukhuwah Operasi Khidmat Masyarakat bersama Pelajar UiTM Shah Alam.

KHAIRUL AZRAN HUSSIN | BERITA HARIAN

Berita Harian 29/06/2010  
**Ilmu tunjang kekuatan bangsa**  
M/S

**KLANG:** Bagi Ketua Puteri UMNO bahagian Klang, Roselinda Abd Jamil, isu pendidikan begitu dekat di hatinya kerana yakin kekuatan ilmu adalah tunjang kekuatan sesuatu bangsa.

Berikutan itu, katanya, pembelajaran sepanjang hayat perlu ditekankan seawal mungkin dalam masyarakat seperti kata pepatah 'melentur buluh biar dari rebungnya'.

Menyedari hakikat itu, beliau komited berjumpa rakyat dan rajin turun padang untuk memberi motivasi mengenai pentingnya seseorang itu menguasai ilmu pengetahuan terutama ketika berdepan pelbagai cabaran dalam dunia yang penuh persaingan.

Beliau berkata, komitmen Puteri UMNO bahagian Klang itu dapat dilihat menerusi penganjuran Program Motivasi Keibubapaan dan Pelajar yang mendapat sambutan menggalakkan daripada pelbagai pihak yang mahu program sama diadakan dengan lebih kerap.

"Memang Puteri Klang memberi fokus isu pendidikan kerana kita tidak mahu lihat golongan pelapis negara yang ada nanti tiada ilmu secukupnya. Kalau ini berlaku, kita khuatir ia akan memberi kesan terhadap proses pembangunan negara.

"Sebab itu, kalau boleh kita tidak mahu ada anak-anak dan belia di Klang tercicir dan membesar tanpa menerima pendidikan secukupnya. Biarlah aspek pendidikan menjadi pendorong kuat untuk kita terus berjaya dan ini yang Puteri Klang mahu lihat," katanya kepada Sentral.

Roselinda yang juga ibu kepada dua cahaya mata, berkata selain program motivasi, majlis Anugerah Pelajar Cemerlang Ujian Pencapaian



**ROSELINDA** pada Program Juara Rakyat Klang.

Sekolah Rendah (UPSR) dan Penilaian Menengah Rendah (PMR) turut diadakan, sekali gus menjadi pendorong pelajar untuk mencatat keputusan cemerlang dalam peperiksaan.

Mengulas lanjut, beliau berkata, Puteri UMNO bahagian itu turut menganjurkan program Anak Angkat Operasi Khidmat Masyarakat Jalanan Ukhawah di Kampung Nelayan Telok Gong, di sini bersama Jawatankuasa Perwakilan Kolej Kenanga, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam.

Program yang julung kali diadakan itu dilihat cara terbaik untuk memahami dan mengalami sendiri cara hidup masyarakat nelayan di kampung, selain memberi peluang kepada pergerakan berkenaan untuk mendengar rintihan dan masalah yang perlu diselesaikan segera.

"Pelajar UiTM ini ditempatkan bersama 16 keluarga angkat di kampung berkenaan selama tiga hari bagi mengikuti pelbagai aktiviti yang dirancang," katanya.

"Program anak angkat ini dilihat amat baik dalam usaha memberi inspirasi kepada

tinggi (IPT)," katanya.

Beliau berkata, dengan cara itu, anak di luar bandar akan berasa lebih bersemangat dan berdedikasi untuk belajar bersungguh-sungguh dan seterusnya dapat menjejakkan diri ke menara gading.

"Saya membawa pelajar IPT untuk dijadikan pendorong supaya anak-anak di kawasan luar bandar bersemangat untuk belajar. Saya tidak mahu zaman kanak-kanak mereka dibazirkan dengan pelbagai perkara tidak berfaedah.

"Sekurang-kurangnya apabila pelajar IPT ini tinggal bersama keluarga angkat mereka, pelbagai pengalaman dapat dikongsi bersama dan mereka (pelajar IPT) perlu menjadi contoh yang baik kepada keluarga angkat masing-masing," katanya.

Roselinda berkata, antara program lain berkaitan pendidikan yang dianjurkan pergerakan itu ialah program lawatan sambil belajar ke Petrosains di Suria KLCC.

"Baru-baru ini kita membawa pelajar Sekolah Kebangsaan Telok Gong, Pelabuhan Klang. Saya percaya ini satu langkah awal untuk memupuk minat pelajar di sekolah rendah mengenai sains dan teknologi. Puteri Klang berharap akan dapat mengadakan program sama secara lebih kerap," katanya.

Dalam perkembangan lain, beliau berkata, Puteri UMNO bahagian itu turut mengamalkan konsep mendekati belia melalui sukan.

"Sebab itu kita anjurkan Kejohanan Bola Jaring Kelab Komuniti Sukan Pelabuhan Klang. Menerusinya, kita dapat menghimpunkan belia wanita pelbagai kaum untuk menyertainya, sekali gus mengeratkan hubungan antara kaum," katanya.

#### PROFIL

##### Roselinda Abd Jamil

■ **Umur:** 34 tahun

■ **Akademik:** Diploma Perakaunan Universiti Teknologi Mara (UiTM), Lendu, Melaka Ijazah Sarjana Muda Perakaunan UiTM, Shah Alam.

■ **Jawatan:** Ketua Puteri UMNO bahagian Klang. AJK Biro Keahlian UMNO Malaysia.

- Pengerusi Biro IT dan Sistem Maklumat, UMNO bahagian Klang.

- Pengerusi Biro Pindaan

Perlembagaan

dan Hal Ehwal Pelajar

Luar Negara Puteri

Umno Selangor.

- Ahli Lembaga Pengarah

Yayasan Pelajaran MARA.

- Ahli Majlis Permuafakatan

Pendidikan Daerah Klang.

golongan muda terutama kanak-kanak dan remaja di kampung ini agar dapat mencontohi langkah abang dan kakak angkat mereka melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian